

NEWS CLIPPING

EVENT	7-Eleven berpotensi buka 5,000 cawangan
PUBLICATION	Berita Harian
PAGE/SECTION	Business
DATE	22 June 2019
TIME	

7-Eleven berpotensi buka 5,000 cawangan

● Giat naik taraf cawangan membabitkan 200 7-Eleven di seluruh negara

Oleh Mohd Zakry Zamrudin
zak@bh.com.my



7-Eleven Malaysia Holdings Bhd (7-Eleven Malaysia) melihat potensi pasaran runcit Malaysia yang menawarkan peluang kepada syarikat membuka sehingga 5,000 cawangan bagi tempoh jangka panjang.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Colin Harvey, berkata berdasarkan kepada pembangunan infrastruktur di Malaysia, 7-Eleven Malaysia menilai ada keperluan dan ruang untuk pengubah rancangan kedua serbomula itu terus berkembang daripada 3,343 cawangan ketika ini.

"Banyak pembangunan baharu termasuk membeli tanah yang semakin bertambah. Terdapat banyak peluang untuk kami berkembang. Sebagai contoh, kewujudan stesen minyak di seluruh negara.

"Tetapi masih terdapat ruang dan peluang kepada kami untuk menambah cawangan," katanya kepada media selepas memeterai perjanjian dengan Radiant Globaltech Bhd (Radiant Group) di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan Radiant Globaltech, Paul Tap Ban Fui.

Harvey berkata, 7-Eleven Malaysia juga sedang giat menaik taraf cawangan sedia ada dengan kos ubah suai mencecah RM100,000 bagi setiap cawangan membabitkan 200 7-Eleven di seluruh negara setahun.

"Kami juga sedang giat meningkatkan penawaran produk bagi mematuhi keperluan pelanggan termasuk bekerjasama dengan pengendali rangkaian Tesco. Setakat ini 96 cawangan 7-Eleven menawarkan produk Tesco," katanya.

7-Eleven Malaysia menjalinkan kerjasama dengan Radiant Globaltech yang juga penyedia penyelesaian teknologi perniagaan runcit di bawah AX Retail B2B.

Portal AX Retail B2B Radiant Globaltech

Menurut kerjasama itu, 7-Eleven Malaysia akan menggunakan portal AX Retail B2B Radiant Globaltech bagi tempoh tiga tahun dan boleh diperbaharui semula setiap tahun apabila perjanjian awal berakhir.

Harvey berkata, semua pembekal perniagaan 3,343 cawangan 7-Eleven Malaysia dapat menggunakan portal berasaskan pengkomputeran awan itu yang menyelaraskan keseluruhan proses pemerolehan dan mengurangkan keupayaan dalam perolehan, inventori dan pembayaran.

Perisian itu dijangka dilancarkan bulan depan.

Ban Fui berkata, penggunaan AX Retail B2B Radiant Globaltech akan meningkatkan aliran operasi dan proses yang lebih cekap kepada vendor.

"Penggunaan teknologi ini menjadi penyelesaian baharu kepada 7-Eleven Malaysia dalam memanfaatkan perniagaan digital," katanya.

Harvey (kiri) bertukar dokumen dengan Ban Fui selepas memeterai perjanjian di antara 7-Eleven Malaysia dengan Radiant Group di Kuala Lumpur, semalam.